



09 JUL, 2025

## Isu teknikal punca kesilapan, paparan graf penggunaan elektrik tidak tepat



Berita Harian, Malaysia

# Isu teknikal punca kesilapan, paparan graf penggunaan elektrik tidak tepat

**Putrajaya:** Tenaga Nasional Berhad (TNB), memaklumkan isu teknikal menjadi punca wujud kesilapan yang menyebabkan paparan graf penggunaan elektrik pada bulan ini tidak tepat.

Hebahan yang dibuat melalui akaun media sosial syarikat utiliti itu, TNB CareLine, semalam menyatakan ketika ini graf tidak dipaparkan buat sementara waktu.

"TNB ambil maklum sedang tular di media sosial mengenai segerintir pelanggan mungkin melihat graf penggunaan Julai

yang tinggi dalam aplikasi myTNB.

"Atas isu teknikal, terdapat ralat yang menyebabkan paparan graf penggunaan Julai tidak tepat dan graf itu tidak dipaparkan buat sementara waktu.

"Kami ingin memberi jaminan bahawa bacaan penggunaan untuk Julai tidak terjejas. Pelanggan boleh menyemak bil muktamad selepas tempoh pengebilan," katanya.

Pada masa sama, TNB memaklumkan pihaknya sedang mengambil tindakan dan akan memak-

lumkan perkembangan membabitkan isu berkenaan dari semasa ke semasa.

Pelanggan juga dinasihatkan mengajukan pertanyaan dengan menghubungi TNB melalui pesanan peribadi ke akaun Facebook TNB Careline, hubungi terus (DM) ke X @Tenaga\_Nasional, hantaran emel kepada tnbcareline@tnb.com.my atau menghubungi talian 1300-88-5454.

Sejak beberapa hari lalu, pengguna menyuarakan rungutan bahawa bil elektrik mereka me-

lonjak dengan mendadak sehingga berkali ganda.

Ada antara pengguna yang merungut di media sosial bahawa penggunaan elektrik bulanan mereka dianggarkan mencecah sehingga RM800 berbanding bil terdahulu sebanyak RM350.

Menerusi ruangan komen di TNB CareLine juga pelanggan membangkitkan pelbagai persoalan membabitkan tarif elektrik, semakan bil yang melebihi bil bulan terdahulu serta skim Masa Penggunaan atau *Time of Use* (TOU).